

17 FEB 1999

Sabah-Azizah

KEHADIRAN AZIZAH MEWARNAI SENARIO POLITIK SABAH

KINARUT (Sabah), 17 Feb (Bernama) -- Senario politik di Sabah yang kini macam dalam suasana perayaan, terus hangat dengan kehadiran Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini, hari ini.

Azizah yang diiringi oleh anak sulungnya Nurul Izzah merupakan tetamu di majlis Hari Raya yang dianjurkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan Persatuan Ulama Malaysia (PUM).

Majlis itu yang berlangsung lebih dua jam di sebuah pusat percutian di sini dihadiri oleh lebih 2,000 orang, kebanyakannya wanita.

Ditanya mengenai pilihan raya negeri Sabah yang akan diadakan tidak lama lagi, Azizah yang juga presiden Pergerakan Keadilan Sosial (ADIL), sebuah pertubuhan bukan kerajaan berkata " saya berharap dan mendoakan ia pilihan raya yang adil".

Beliau tidak berucap di majlis itu dan juga tiada persidangan berita diadakan walaupun beberapa pemberita menunggu untuk menemubual beliau.

Azizah dan Nurul Izzah kemudiannya mengucapkan terima kasih kepada para hadirin dan meninggalkan tempat itu dengan kenderaan pacuan empat roda pada lebih kurang 10.30 pagi.

Sabah akan mengadakan pilihan raya kesembilannya dan pembubaran Dewan Undangan Negeri diramalkan dalam beberapa hari selepas lawatan tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah, bermula esok.

-- BERNAMA

JS PR